

30 AUG 1997

Mahathir-Perutusan

MAHATHIR: PENJAJAH AKAN KEMBALI JIKA RAKYAT TAK PELIHARA KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Malaysia menyambut ulangtahun kemerdekaan yang ke-40 dengan rakyat diingatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa penjajah akan kembali menjajah secara langsung atau tidak langsung jika mereka tidak memelihara kemerdekaan negara.

Beliau berkata tanda-tanda kemungkinan ini sudahpun boleh dilihat pada hari ini seperti bagaimana mudahnya orang asing meruntuhkan ekonomi negara dengan sengaja menjatuhkan nilai matawang dan pasaran saham Malaysia.

"Jika kita tidak sanggup menghadapi cabaran ini dengan bersifat lebih patriotik dan sanggup bekerja lebih kuat, nescaya kita akan kembali dijajah semula," kata Dr Mahathir dalam perutusan Hari Kebangsaan melalui radio dan televisyen malam ini.

"Janganlah kita fikir sekali merdeka maka selama-lamanya kita merdeka. Jika kita tidak berusaha untuk memelihara kemerdekaan kita, penjajah secara langsung atau tidak langsung akan kembali menjajah kita," kata Perdana Menteri yang juga mahukan rakyat berwaspada terhadap unsur-unsur dalam negara yang boleh menghancurkan semua kejayaan yang telah dicapai dan dinikmati sekarang.

Dr Mahathir dalam perutusannya banyak menyentuh tentang serangan spekulasi dan manipulasi orang asing di pasaran mata wang dan saham yang telah menyebabkan ekonomi Malaysia jatuh 10 peratus dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini.

"Apa yang kita usahakan selama 40 tahun ini boleh dimusnahkan oleh mereka hanya dalam beberapa minggu sahaja. Ingatlah penyangak yang melakukan spekulasi ini telah menjadikan orang miskin di negara kita bertambah bilangan mereka dan 10 peratus lebih miskin," kata Dr Mahathir.

Menurutnya semua kejayaan yang dicapai dan dinikmati sekarang juga boleh dihancurkan jika rakyat mudah terpengaruh dengan pelbagai dakwaan dan tuduhan yang tidak berasas dan jika mereka mengambil pendirian yang ekstrim berkenaan dengan apa-apa perkara.

"Sebaliknya hendaklah kita membendung perasaan, bersikap rasional dan sanggup mendengar penjelasan dan berunding untuk mengatasi apa juga masalah," katanya.

Seperti biasa, Perdana Menteri menyampaikan mesejnya secara terus terang dengan bahasa yang bersahaja dan jelas.

"Apabila rakyat miskin, mereka yang kaya juga akan menjadi miskin," kata Dr Mahathir ketika menyelar golongan rakyat yang kaya raya yang katanya turut memburuk-buruk dan membelasah ekonomi negara.

Perdana Menteri sebelum ini telah memberi amaran keras terhadap ahli-ahli bank tempatan yang turut terbabit dalam kegiatan manipulasi yang menyebabkan kejatuhan mata wang ringgit dan harga saham.

Katanya beliau faham kenapa orang asing suka memburuk-burukkan negara tetapi "amat kecewa" apabila rakyat Malaysia sendiri yang banyak mendapat nikmat daripada pertumbuhan ekonomi yang diusahakan kerajaan begitu senang hati "melihat orang asing membelasah ekonomi kita".

Beliau berkata bukannya mudah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat atau mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil atau mencapai pertumbuhan ekonomi 8 peratus setahun sejak 1988 seperti yang dicapai Malaysia.

"Agihan kekayaan tidak dibuat dengan mengambil daripada yang kaya untuk diberi kepada yang miskin. Sebaliknya kita membuat agihan daripada ekonomi yang tumbuh," kata Perdana Menteri mengenai resipi kejayaan negara bagi

mengisi kemerdekaan secara lebih bermakna selama empat dekad.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menempuh beberapa kejayaan yang tidak pernah diduga ketika negara mencapai kemerdekaan 40 tahun lalu. Ini termasuk mengeluarkan kenderaan bermotor sendiri, memiliki satelit sendiri, mendirikan bangunan yang tertinggi di dunia, anak tempatan yang kini menyandang jawatan Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau mendaki puncak Gunung Everest dan juga negara menjadi tuan rumah Sukan Komanwel tahun depan.

Perdana Menteri bagaimanapun mengaku bahawa Malaysia mungkin tidak dapat mencapai pertumbuhan ekonomi sekitar 8 peratus seperti yang diramalkan pada tahun ini ekoran spekulasi orang asing terhadap ringgit dan harga saham.

Katanya defisit perdagangan juga dijangka meningkat kerana lebih banyak riggit diperlukan untuk membeli barangan dari luar negara, sementara barangan eksport menjadi lebih murah dalam mata wang asing.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai tumpuan kerajaan sekarang untuk membesarkan kumpulan kaum Bumiputera yang mempunyai pendapatan sederhana atau "middle-class income".

Di kebanyakan projek perumahan kos sederhana, pemaju mendapati amat sukar untuk menjual rumah kepada kaum Bumiputera dan ini menyebabkan kebanyakan kawasan perumahan yang baru, diduduki oleh satu kaum sahaja.

"Keadaan ini adalah tidak sihat.

"Jika kita berjaya mengimbangkan peratusan Bumiputera kelas menengah dengan bukan Bumiputera dalam kelas yang sama, maka kestabilan negara kita akan lebih terjamin. Dan sudah tentu ini akan membantu memesatkan pembangunan negara kita," katanya.

Bercakap mengenai abad ke-21 yang lebih mencabar dengan kemunculan era globalisasi dan teknologi maklumat yang lebih canggih, Perdana Menteri berkata jika rakyat beku dengan cara mereka hari ini, maka negara tetap akan ketinggalan zaman.

"Oleh itu kita perlu sentiasa melengkapkan diri kita dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran terbaru dalam semua bidang. Teknologi baru, seperti juga teknologi-teknologi lain boleh dikuasai jika kita sanggup berusaha bersungguh-sungguh untuk memilikinya," katanya.

Mengenai Hari Kebangsaan yang disambut setiap tahun, Perdana Menteri berkata selain daripada menanam semangat cintakan negara di kalangan rakyat, ia mengingatkan mereka kepada sejarah perjuangan kemerdekaan negara.

"Walau apapun terjadi pada kita, kita tidak harus melupakan sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita. Dengan mengetahui sejarah negara sendiri, kita boleh merancang masa depan negara kita dengan lebih baik dan berkesan," katanya. -- BERNAMA

AU RON